

KEADAAN paras air di Empangan Beris yang susut akibat cuaca panas disebabkan fenomena El-Nino.

## Empangan Beris bertahan sebulan

**Alor Setar:** Empangan Beris kini berada pada paras kritikal dan hanya mampu bertahan sebulan lagi jika keadaan cuaca panas melampau tanpa hujan masih berterusan di negeri ini.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, setakat ini, empangan Beris hanya mempunyai bekalan air sebanyak 38.99 peratus di mana sumber air itu turut dibantu empangan Muda bagi kegunaan domestik dan industri.

Menurutnya, empangan Muda setakat ini diklasifikasikan sebagai berjaga-jaga apabila berada pada paras 93.73 meter (43 peratus) dan dijangka mampu bertahan sehingga 50 hari lagi.

“Bagaimanapun, Kedah masih mempunyai dua lagi empangan iaitu empangan Pedu yang berada pada paras kedudukan 91.53 meter dan mempunyai 68.9 peratus be-



**AHMAD Bashah**

kalan air serta empangan Ahning pada paras 106.89 meter atau 75.4 peratus.


“Secara keseluruhannya, bekalan air ini sememangnya mencukupi untuk kegunaan domestik, malah bagi pertanian juga masih mencukupi berikutan empangan di kawasan Utara sudah membuka

saluran air ke sungai bagi kegunaan di selatan Kedah selain kawasan pertanian di Perlis,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan Bantuan Rakyat Kedah (BARAKAH), bagi penerima di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata dan bantuan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), kepada 100 keluarga di kawasan itu di Kampung Batin, di sini, semalam.

Ahmad Bashah berkata, walaupun sumber air masih mencukupi, penduduk negeri itu diminta menggunakannya dengan berhemah tanpa membazir kerana bimbang menyebabkan Kedah kekurangan bekalan air.

“Kedah juga tidak terkecuali boleh mengalami keadaan ca-tuan air sekiranya bekalan yang disalurkan sekarang tidak digunakan secara berji-mat oleh pengguna,” katanya.



**CUACA** panas melampau dengan purata suhu seluruh negara meningkat di antara 34 dan 39 darjah Celsius sejak dua bulan lalu.